



## KENYATAAN AKBAR

### **MAKLUM BALAS ARTIKEL "*LETTER: A TIRED DOCTOR FROM SG BULOH ASKS TO BE TREATED HUMANELY*"**

---

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) ingin merujuk kepada artikel bertajuk "*LETTER: A Tired Doctor From Sg Buloh Asks To Be Treated Humanely*" yang disiarkan di dalam portal berita online pada 16 Januari 2021.

JKNS mengambil perhatian terhadap artikel tersebut. Pada masa krisis seperti sekarang, adalah amat penting bagi pihak Jabatan Kesihatan Negeri, hospital, pejabat kesihatan daerah serta klinik kesihatan untuk mengekalkan semangat, kerjasama dan motivasi di kalangan anggota kesihatan. JKNS juga sangat mengambil berat persekitaran kerja, keperluan asas serta penjagaan kesihatan dan keselamatan anggota kesihatan yang berkerja di mana-mana fasiliti kesihatan di Negeri Selangor. Ini juga adalah demi memastikan semua fasiliti dapat memberikan rawatan yang cekap dan berkualiti kepada pesakit.

Bagi memastikan keperluan sumber manusia yang mencukupi, JKNS telah membuat pengagihan tambahan Pegawai Perubatan, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan melalui '*redeployment*' dalam negeri mahupun dari negeri-negeri lain serta tambahan personel melalui pengambilan pegawai kontrak baru oleh Ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia ke Hospital Sungai Buloh.

Di Hospital Sungai Buloh ini, seperti hospital-hospital lain, kakitangan yang bertugas dalam perawatan COVID-19 ini juga diberikan elaun COVID-19 seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan, elaun lebih masa bagi yang perlu melakukan kerja lebih masa serta elaun-elaun lain atas kelayakan.

Mengenai pemberian makanan, untuk makluman, pemberian makanan kepada Pegawai Perubatan Atas Panggilan adalah diberi berdasarkan kelayakan di dalam surat pekeliling KKM. Pada masa ini, semua anggota perubatan yang bertugas secara atas panggilan telah dibekalkan makanan mengikut surat pekeliling tersebut. Semasa awal epidemic COVID-19 ini, di Hospital Sungai Buloh, terdapat banyak sumbangan makanan yang diterima oleh pihak hospital dari badan-badan sukarela, industri, agensi dan sebagainya untuk semua petugas. Namun, pada masa ini, sumbangan tersebut telah berkurangan atau tiada. Walau bagaimanapun, bekalan makanan masih boleh diperolehi dari kafeteria atau '*food outlets*' yang beroperasi di hospital di samping mereka boleh membuat pesanan makanan atas talian seperti '*grabfood*'.

Pegawai perubatan serta lain-lain kategori kakitangan yang ditempatkan di wad COVID bertugas mengikut sistem syif. Sistem syif ini bertujuan untuk mengurangkan beban kerja anggota perubatan di hospital ini. Setiap anggota juga diberikan hari rehat seperti yang dijadualkan secara adil.

Bagi menjaga kebajikan, setiap wad COVID-19 disediakan ruangan berehat yang selamat (*green zone*) untuk petugas kesihatan beristirahat, solat, makan dan membersihkan diri (bilik mandi) mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan. Ini bagi memastikan ruangan ini bebas dari kawasan pesakit (*red zone*) serta jika mereka balik dari bertugas, mereka dalam keadaan bersih.

Di samping itu, semua kakitangan yang terlibat dibekalkan dengan Peralatan *Personal Protective Equipment-PPE* yang mencukupi serta pemakaian, penanggalan dan pembuangan PPE ini dipantau dengan teliti agar tidak berlaku infeksi silang (*cross contamination*). Peruntukan kewangan serta bekalan PPE adalah mencukupi.

Pihak hospital turut menyediakan perkhidmatan *Psychological First Aid (PFA)* untuk memberi sokongan moral dan khidmat nasihat kepada anggota kesihatan yang memerlukan. PFA bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan mental anggota kesihatan di Hospital. Semua maklum balas dari anggota kesihatan akan diajukan kepada pihak pengurusan hospital dan seterusnya kepada pihak negeri dan KKM untuk tindakan berkaitan. Dalam masa yang sama, pihak hospital akan menambak baik komunikasi dalaman di kalangan staf dengan pihak pengurusan. Pihak hospital juga akan berusaha untuk mencari alternatif lain yang bersesuaian berkenaan perkara tersebut.

**DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN**  
**PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

**17 Januari 2021**